

Anwar beri bayangan polemik di Perak, isu MB Selangor selesai

Saarani dakwa wujud cubaan guling kerajaan negeri di bawah pimpinan BN-PH

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Klang: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi bayangan isu peantikan Menteri Besar Selangor yang baharu sudah pun dimuktamadkan.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut memberi gambaran polemik berkaitan kerajaan Perak juga sudah diselesaikan.

"Kerajaan Perak 'settled' (selesai), kerajaan Selangor pun 'settled' (selesai)," katanya ringkas ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Ar-Rahimiah di sini, semalam.

Sebelum ini, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, dilaporkan mendakwa wujud gerakan pihak tertentu untuk menumbangkan kerajaan negeri di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH).

Saarani berkata, khabar angin mengenai gerakan menjatuhkan dan seterusnya menukar pentadbiran kerajaan negeri yang tersebar sejak beberapa bulan lalu, bukanlah sekadar 'cap-cakap' kosong.

Gerakan itu didakwa masih berusaha memujuk sekurang-kurangnya empat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kerajaan untuk menyokong Pe-



Anwar bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bersalaman dengan orang ramai selepas solat Jumaat di Masjid Jamek Ar-Rahimiah, Klang, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

rikatan Nasional (PN) sebagai pembangkang bagi memperoleh majoriti mudah membentuk kerajaan negeri.

Prestasi Amirudin sudah terbukti

Mengenai Kerajaan Selangor, sebelum ini wujud spekulasi Datuk Seri Amirudin Shari tidak akan dilantik ke jawatan Menteri Besar bagi penggal kedua selepas PH gagal memperoleh majoriti dua pertiga pada Pilihan Raya Negeri (PRN), baru-baru ini.

Amirudin yang juga Pengerusi PH Selangor, didakwa gagal mendapat sokongan pengundi Melayu, biarpun berjaya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua, selain mempamer prestasi yang bagus sebagai Menteri Besar.

Kerajaan Perpaduan memena-

ngi 34 kerusi DUN Selangor pada PRN Sabtu lalu, manakala PN memperoleh 22 kerusi.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi UMNO Selangor, Datuk Johan Abd Aziz, berkata prestasi sepanjang lima tahun penggal lalu memungkinan Amirudin kekal menerajui pentadbiran negeri buat penggal kedua.

Bagaimanapun, berkata, semuanya bergantung kepada PKR yang mempersembah senarai calon kepada pihak Istana.

"Bagi saya, prestasi beliau sepanjang penggal lalu memang baik dan Amirudin patut dikekalkan dan pencapaiannya membuktikan beliau 'perform'," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pengerusi AMANAH Selangor, Izham Hashim, ketika dihubungi berkata, parti itu sebulat suara mencadangkan Amirudin kekal sebagai Menteri Besar Selangor.